

# Kes Sosilawati tiada unsur perkauman

Kosmo 17 SEP 2010 M/S 3

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF, ATIKAH DALI dan FIRDAUS HASSAN

Jurugambar SAHARUDDIN ABDULLAH


**BANTING** – Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar yang baru memegang tampuk kepimpinan tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam berkata, siasatan kes pembunuhan jutawan kosmetik Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga lelaki lain dilakukan tanpa sebarang unsur perkauman.

“Kes siasatan Sosilawati adalah kes jenayah biasa kerana ada penjenayah dan ada mangsa,” kata beliau pada sesi dialog bersama pemimpin masyarakat di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat di sini semalam.

Lawatan Ismail ke Banting merupakan lawatan pertama beliau ke Selangor sejak beliau mengambil alih pucuk pimpinan sebagai Ketua Polis Negara pada 13 September lalu.


Menurut beliau, polis masih lagi menjalankan siasatan berhubung pembunuhan Sosilawati bersama tiga mangsa itu. Polis juga sedang menunggu keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Dalam kejadian mengemgemparkan itu, selain jutawan kosmetik yang dibunuh, turut menjadi mangsa kekejaman sama ialah pemandu, Kamarudin Shansudin, 44, peguam Ahmad Kamal Abdul Karim, 32, dan pegawai bank, Noorhisham Moham-



ISMAIL (depan, dua dari kiri) bersalam dengan penduduk dan pemimpin masyarakat semasa melawat Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat di Banting semalam.

## Info Lokasi pembunuhan dan tempat pembuangan barang bukti kes pembunuhan Sosilawati



SOSILAWATI LAWIYA Jutawan kosmetik AHMAD KAMIL Peguam KAMARUDIN Pemandu peribadi NOORHISHAM Pegawai CIMB

## Kronologi kehilangan dan pembunuhan Sosilawati

**30 Ogos (5 petang):** Sosilawati meninggalkan pejabat bersama pemandu Kamarudin dari Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk ke Banting bagi urusan perniagaan.

**30 Ogos (10 malam):** Polis percaya keempat-empat mangsa telah dibunuh dengan kejam di Ladang Gadong, Tanjung Sepat, Banting.

**31 Ogos:** Anak perempuan Sosilawati membuat laporan polis selepas Sosilawati gagal dihubungi.

**2 September:** Polis menemui kereta Perdana V6 milik pegawai bank CIMB di tepi jalan di kawasan Petaling Jaya.

**6 September (9.30 malam):** Kereta BMW milik Sosilawati ditemui di Pangsapuri Angsana USJ1 manakala kereta peguamnya, Ahmad Kamil ditemui di kawasan perumahan berhadapan Hotel Dorsett, Subang Jaya.

**9 September:** Polis Bukit Aman menyoal siasat seorang peguam dipercayai rakan perniagaan Sosilawati.

**10 September:** Tangkapan pertama dibuat melibatkan lima orang termasuk seorang wanita yang berusia antara 19 dan 45 tahun di ladang ternakan ayam di Ladang Gadong.

**11 September:** Polis menahan peguam, Datuk K. Patmanaban, 41, dan adiknya yang berusia 38 tahun.

**12 September (12 malam):** Wartawan mendapat maklumat mengenai penemuan empat mayat di Ladang Gadong namun tiada pengesahan dikeluarkan oleh polis.

**12 September:** Polis menahan seorang lagi remaja berusia 19 tahun di ladang ternakan ayam di Ladang Gadong yang menjadikan jumlah tangkapan seramai lapan orang.

**12 September (12.30 tengah hari):** Dua van pasukan forensik, Jabatan Kimia Malaysia dan beberapa kenderaan yang membawa beberapa lelaki yang ditahan memasuki Ladang Gadong.

**12 September (6.30 petang):** Polis menemui spesimen dipercayai serpihan tulang di Sungai Panchau.

Pada sesi dialog dengan penduduk itu, Ismail berkata, siasatan terhadap kes-kes yang ada unsur perkauman seperti kes pembakaran gereja di Petaling Jaya dan surau di Johor dijaankan berlandaskan undang-undang.

Menurut beliau, masyarakat perlu faham bahawa proses pendakwaan kes adalah di bawah bidang kuasa Peguam Negara, bukannya polis.

Ismail berkata demikian selepas seorang daripada pemimpin masyarakat setempat membangkitkan isu mengapa kes surau di Negeri Sembilan yang dibling cat dan botol arak tidak dibawa ke mahkamah sedangkan kes pembakaran gereja ada pihak yang dihidapkan ke mahkamah.

Ismail turut mengarahkan polis Selangor termasuk di daerah Kuala Langat supaya memantau peningkatan penglibatan golongan belia di daerah itu dalam kegiatan jenayah.

Ismail berkata, beliau akan melihat keperluan untuk menambah anggota dansokongan logistik di Ibu Pejabat Poli Daerah itu dan keperluan meletakan seorang Asisten Komisioner Poli bagi mengetuai polis di sini berbanding hanya seorang Supritendan ketia ini.

## Kes siasatan Sosilawati adalah kes jenayah biasa kerana ada penjenayah dan ada mangsa

**TAN SRI ISMAIL OMAR**

Perkara itu dibangkitkan oleh Ketua Bahagian MCA Kuala Langat, Datuk Eii Kim Hock yang menyatakan bahawa kekuatan polis di daerah Kuala Langat perlu ditingkatkan memandangkan pembangunan pesat di daerah ini yang dikelilingi oleh Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dan kawasan pesisiran pantainya yang panjang.

Beliau berkata, penduduk di daerah Kuala Langat kini berjumlah 200,000 orang.

Kim Hock berharap kereta peronda polis di daerah ini ditingkatkan kerana kehadiran mereka di jalan raya me-

legakan hati penduduk dan mereka berasa yakin dan selamat dengan kehadiran polis.

Beliau turut berterima kasih dengan tindakan polis di Kuala Langat kerana berjaya membanteras kegiatan mesin judi di daerah ini dan memuji tindakan pantas polis dalam menyiasat kes pembunuhan Sosilawati walaupun semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Ismail dalam pada itu berkata, polis berjaya menurunkan kadar indeks jenayah di daerah ini sebanyak 14 peratus dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini.

Terdahulu, dalam ucapan beliau di hadapan kira-kira 700 pemimpin setempat dan orang ramai yang hadir pada majlis itu, Ismail berkata, polis akan melaksanakan tugas menjaga keamanan dan kesejahteraan negara.

"Ini adalah visi kita, visi rakyat yang tidak tertulis dan tidak termaktub, yang berada di dalam hati dan jiwa kita sebagai rakyat Malaysia yang mahu hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

"Tetapi polis tidak boleh bekerja secara sendiri. Kami memerlukan anda sekalian untuk bersama-sama Polis Diraja Malaysia untuk menentukan amanah yang diberikan," ujarnya.

**13 September:** Polis menyiasat aset Patmanaban mencecah jutaan ringgit yang dianggap luar biasa.

**13 September (4.30 petang):** Polis menemui besi bercangkuk berukuran 30.5 sentimeter dan seutas jam tangan.

**14 September (11 pagi):** Patmanaban dibawa polis ke pejabatnya dan polis merampas tujuh unit komputer.

**14 September (5 petang):** Polis menemui enam keping zink, sebatang besi dan senjata tajam di dasar Sungai Gelanggang Buaya yang terletak 20km dari Sungai Panchau.

**15 September:** Polis Selangor mengesyaki Patmanaban turut terlibat dalam beberapa kes penipuan jual beli tanah.

**15 September:** Polis forensik menemui beberapa lagi serpihan tulang manusia di Sungai Panchau.

**15 September:** Polis mengesahkan pembunuhan kejam terhadap Sosilawati dan tiga yang lain tiada kaitan dengan kumpulan pembunuh upahan.

**15 September:** Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar memberitahu kes itu dianggap selesai dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Peguam Negara untuk tindakan lanjut.

**16 September:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memuji kecekapan polis menyelesaikan kes pembunuhan Sosilawati dan tiga rakannya.